

**TEKS UCAPAN
YANG AMAT ARIF TUN RAUS SHARIF
KETUA HAKIM NEGARA**

SEMPENA

**KONVENSYEN PERUNDANGAN,
PENDAKWAAN DAN KEADILAN
JENAYAH
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA**

**5 MAC 2018 JAM 8.00 MALAM
AUDITORIUM, AKEPT
BANDAR ENSTEK, NEGERI SEMBILAN**

Yang Berbahagia Dato' Sri Latifah Haji Mohd Tahar

Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia

Yang Berbahagia Dato Seri Haji Mustafar Haji Ali

Ketua Pengarah Imigresen Malaysia

Yang Berusaha Tuan Fazril Sani bin Mohd Fazil

Penasihat Undang-Undang Jabatan Imigresen Malaysia selaku
Pengarah Konvesyen.

Barisan Pengurusan Tertinggi Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah
Persekutuan Malaysia

Barisan Pengurusan Tertinggi Jabatan Imigresen Malaysia

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Dato-Dato', Datin-Datin, Tuan-
Tuan dan Puan-Puan, Hadirin dan hadirat sekalian,

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan
salam sejahtera.**

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah izin-Nya kita dapat bertemu pada malam ini sempena **Majlis Konvensyen Perundangan, Pendakwaan dan Keadilan Jenayah, Jabatan Imigresen Malaysia.**
2. Bagi pihak Badan Kehakiman, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kesudian Yang Berbahagia Dato' Seri Haji Mustafa, Ketua Pengarah Imigresen Malaysia, kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan Ucaptama di Konvensyen ini.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Majlis Konvensyen ini membawa tajuk **Perundangan, Pendakwaan dan Keadilan Jenayah, Jabatan Imigresen Malaysia.** Jadi, apabila kita membincangkan soal-soal perundangan, pendakwaan dan keadilan jenayah, Badan Kehakiman atau lebih spesifik, "**Mahkamah**" adalah tempat ianya "berlaku". Mahkamah adalah tempat undang-undang ditafsirkan. Mahkamah adalah juga tempat

pendakwaan dilakukan dan di Mahkamahlah tempat pengadilan berlaku.

4. Oleh itu, adalah penting bagi orang ramai terutamanya agensi-agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Imigresen dan pegawai dan kakitangan di bawahnya mengambil tahu atau peka tentang sistem Mahkamah di Negara kita ini. Pada kesempatan ini, saya mohon diberi sedikit masa untuk menerangkan secara ringkas mengenai sistem Mahkamah kita.
5. Pada umumnya, Mahkamah boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu Mahkamah Atasan (*Superior Courts*) dan Mahkamah Rendah (*Subordinate Courts*). Mahkamah Atasan terdiri daripada Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi. Hakim-hakim diketiga-tiga peringkat Mahkamah ini dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong (YDPA) menurut peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan.
6. Mahkamah Rendah pula terdiri daripada Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret. Hakim dan Majistret dikedua-dua

Mahkamah ini adalah pegawai-pegawai dari Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan. Mereka adalah pegawai kerajaan.

7. Mahkamah Persekutuan adalah mahkamah tertinggi di Malaysia diketuai oleh Ketua Hakim Negara dan dianggotai oleh 14 Hakim Mahkamah Persekutuan yang lain. Lazimnya, Mahkamah Persekutuan mendengar rayuan dari keputusan Mahkamah Rayuan. Untuk kes-kes jenayah, yang bermula di Mahkamah Tinggi, rayuan keputusan Mahkamah Rayuan ke Mahkamah Persekutuan adalah secara automatik. Jika kes bermula di Mahkamah Sesyen atau Majistret, kes tidak akan sampai ke Mahkamah Persekutuan. Kes-kes seperti ini akan terhenti di Mahkamah Rayuan. Jadi untuk kes-kes jenayah Jabatan Imigresen yang bermula di Mahkamah Rendah tidak akan sampai ke Mahkamah Persekutuan.
8. Dalam bidang kuasa sivil, Mahkamah Persekutuan hanya mendengar rayuan dari Mahkamah Rayuan di mana kebenaran (*leave*) telah diberikan mengikut peruntukan di bawah seksyen 96 Akta Mahkamah Kehakiman. Jadi tidak semua kes-kes sivil yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan

akan didengar oleh Mahkamah Persekutuan. Kebenaran merayu perlu diperolehi terlebih dahulu. Di samping itu, Mahkamah Persekutuan juga mendengar kes-kes rujukan terus dari Mahkamah Tinggi berkaitan dengan isu perlembagaan seperti yang dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan.

9. Mahkamah Persekutuan bersidang dalam panel 5 orang Hakim. Untuk kebenaran merayu pula, dalam panel 3 orang Hakim.
10. Mahkamah yang kedua tertinggi adalah Mahkamah Rayuan. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan 32 jawatan Hakim Mahkamah Rayuan dan diketuai oleh Presiden Mahkamah Rayuan yang juga merupakan Hakim Mahkamah Persekutuan. Mahkamah ini mendengar rayuan sivil dan jenayah dari keputusan Mahkamah Tinggi. Seperti yang saya sebutkan tadi, jika kes bermula dari Mahkamah Sesyen dan Majistret, kes-kes akan berakhir di Mahkamah Rayuan.
11. Di bawah Mahkamah Rayuan adalah Mahkamah Tinggi. Mahkamah Tinggi dibahagi kepada dua. Mahkamah Tinggi Malaya yang diketuai oleh oleh Hakim Besar Malaya (**HBM**)

dan Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak yang diketuai oleh Hakim Besar Sabah dan Sarawak (**HBSS**). HBM dan HBSS adalah juga Hakim Mahkamah Persekutuan. Sekarang ini terdapat 54 Hakim Mahkamah Tinggi dan 28 Pesuruhjaya Kehakiman di Mahkamah Tinggi. Untuk makluman, Pesuruhjaya Kehakiman ini mempunyai bidang kuasa yang sama seperti Hakim Mahkamah Tinggi. Bezanya, Hakim Mahkamah Tinggi merupakan hakim yang telah disahkan dalam jawatan sebagai Hakim, manakala Pesuruhjaya Kehakiman adalah sebagai Hakim yang belum disahkan jawatannya. Mereka dilantik secara kontrak selama dua tahun. Jika sesuai, mereka akan dilantik sebagai Hakim. Jika tidak, perkhidmatan mereka tamat mengikut kontrak.

12. Hakim Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa sivil untuk membicarakan kes-kes yang melibatkan amaun dalam pertikaian melebihi satu juta ringgit. Selain itu, Mahkamah Tinggi juga mendengar kes-kes perceraian melibatkan orang bukan Islam, kebangkrapan, penggulangan syarikat, wasiat dan juga surat kuasa mentadbir harta pusaka.
13. Dalam bidang kuasa jenayah pula, Mahkamah Tinggi mempunyai kuasa mendengar dan memutuskan kes-kes

yang membawa kepada hukuman mati. Dalam bidang kuasa rayuan, Mahkamah Tinggi mendengar kes-kes sivil dan jenayah, yang dirayu dari Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret.

14. Mahkamah Sesyen pula mempunyai bidang kuasa sivil untuk mendengar kes-kes yang melibatkan amaun dalam pertikaian sehingga satu juta ringgit. Dalam bidang kuasa jenayah pula, Mahkamah Sesyen mendengar dan boleh memutuskan kes-kes jenayah yang hukumannya selain daripada hukuman mati. Sekarang ini terdapat 152 orang Hakim Mahkamah Sesyen di seluruh Malaysia.
15. Seterusnya adalah Mahkamah Majistret. Mahkamah Majistret mempunyai bidang kuasa sivil untuk mendengar kes-kes tuntutan sivil yang melibatkan amaun dalam pertikaian tidak melebihi seratus ribu ringgit. Dalam bidang kuasa jenayah pula, Majistret mempunyai kuasa untuk membicarakan kes-kes yang hukuman penjaranya tidak melebihi 10 tahun, atau yang melibatkan hukuman denda sahaja. Walau bagaimanapun, Majistret hanya boleh memerintahkan hukuman yang tidak melebihi lima tahun pemenjaraan, denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan hukuman merotan

tidak melebihi 12 kali sebatan. Sekarang ini terdapat 142 orang Majistret di seluruh Malaysia.

16. Begitulah secara ringkas sistem Mahkamah di Negara kita. Dengan memahami sistem keadilan di negara kita ini, barulah kita boleh membincangkan soal-soal perundangan, pendakwaan dan keadilan jenayah, khususnya untuk Jabatan Imigresen. Dari segi kes-kes imigresen, banyak kes tertumpu di Mahkamah Rendah iaitu di Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret. Jika ada rayuan, peringkat pertama di dengar oleh Hakim Mahkamah Tinggi dan jika masih ada rayuan, kes akan didengar di Mahkamah Rayuan.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

17. Dalam membincangkan keadilan jenayah untuk Jabatan Imigresen, sudah tentu persoalan yang timbul ialah, sama ada keadilan jenayah dapat dicapai? Adakah Mahkamah dapat memberi keadilan kepada mereka yang dituduh dan juga adakah Jabatan yang menguatkuasakan undang-undang jenayah Imigresen berpuas hati dengan apa yang berlaku di Mahkamah? Persoalan ini hanya boleh dijawab oleh pesalah

dan juga pegawai-pegawai Jabatan Imigresen. Dalam hal ini, jika ada perkara-perkara yang tidak memuaskan hati pegawai dan kakitangan Jabatan Imigresen terhadap Mahkamah, aduan boleh dibuat kepada saya atau Yang Berbahagia Dato' Sri Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia.

18. Dari sudut Mahkamah, apa yang boleh kita lakukan ialah untuk memastikan kes-kes yang dibawa ke Mahkamah dapat diselesaikan dengan cepat dan efisien. Atas tujuan itulah maka Mahkamah Sesyen PATI ditubuhkan. Jika diimbau kembali, Mahkamah Sesyen Khas PATI telah ditubuhkan pada tahun 2006. Tujuan adalah untuk mempercepatkan pengendalian dan penyelesaian kes-kes melibatkan PATI di bawah Akta Imigresen 1959.
19. Alhamdulillah, pada 15 Disember 2006, 14 Mahkamah Sesyen Khas PATI telah ditubuhkan untuk mengendalikan dan menyelesaikan kes dalam tempoh masa yang ditetapkan, iaitu tidak melebihi satu tahun. Di sini saya ingin memaklumkan bahawa 90 hingga 95 peratus kes di semua Mahkamah Sesyen Khas PATI telah diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

20. Dari segi statistik, misalnya tahun 2017, sebanyak 41,749 kes telah didaftarkan di Mahkamah Sesyen Khas PATI dan kes-kes tersebut dapat diselesaikan pada tahun yang sama, kecuali 151 kes yang mana kes-kes tersebut didaftarkan pada bulan Oktober, November dan Disember 2017. Sekarang ini, baharu masuk bulan Mac 2018. Ini bermakna 99.64 peratus kes yang didaftarkan pada tahun 2017 telah berjaya diselesaikan dalam tahun yang sama.
21. Namun begitu, perlu saya nyatakan, selain kes 2017, Mahkamah masih ada 8 kes yang didaftarkan tahun 2016 yang masih belum selesai, iaitu 6 kes di Mahkamah Sesyen Khas PATI Sepang, Selangor dan dua lagi kes di Mahkamah Sesyen Khas PATI Menggatal, Sabah. Jika 8 kes ini selesai pada bulan Mac ini (saya dimaklumkan pada bulan Mac 2018), tidak akan ada kes tertunggak di Mahkamah Sesyen Khas PATI. Dengan itu, matlamat penubuhan Mahkamah PATI telah dapat dicapai.
22. Untuk makluman hadirin, penyelesaian kes secara cepat dan efisien tidak tertumpu kepada kes-kes Jabatan Imigresen

sahaja. Sebenarnya, Badan Kehakiman telah memulakan pembaharuan atau reformasi sejak akhir tahun 2008 lagi untuk menangani masalah kes-kes tertunggak. Oleh itu, pelbagai inisiatif telah diadakan. Sekarang ini semua kes, antara 90 hingga 95 peratus kes di Mahkamah-mahkamah di seluruh Malaysia dapat dilupuskan dalam tempoh garis masa yang ditetapkan iaitu 6 hingga 12 bulan tempoh penyelesaian kes (*time line*). Walau bagaimanapun, masih ada antara 5 hingga 10 peratus kes-kes lama yang masih tertunggak. Dan adalah menjadi misi Badan Kehakiman untuk menyelesaikan kes-kes ini pada akhir bulan Jun 2018.

Hadirin dan hadirat sekalian,

23. Mengenai perundangan Jabatan Imigresen, saya rasa kita tidak ada masalah. Malah di Negara kita ini secara umumnya kita mempunyai banyak undang-undang. Dari pengalaman saya, selama 18 tahun sebagai Majistret, Hakim Mahkamah Sesyen dan pendakwa raya di Jabatan Peguam Negara, dan hampir 25 tahun sebagai Hakim, sebenarnya Negara kita tidak kekurangan undang-undang. Macam-macam undang-undang

kita ada. Yang kurang pada pandangan saya adalah penguatkuasaan undang-undang tersebut. Kadang-kadang penguatkuasaan sesuatu undang-undang lemah dan ia menjadikan undang-undang itu kurang berkesan.

24. Saya mengambil isu **pembantu rumah atau orang gaji** sebagai contoh. Saya mengambil contoh ini kerana soal pembantu rumah adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Imigresen. Persoalan utama, kenapa kejadian orang gaji lari dari majikan setelah tiga atau empat bulan berkerja sering berlaku? Utarakan topik ini dalam perbualan dan pasti setiap orang mengalami masalah ini. Kenapa perkara ini berlaku? Sebabnya banyak. Mungkin telah ada kajian. Tetapi saya percaya, salah satu sebab ialah kurangnya penguatkuasaan. Orang gaji yang lari tahu risikonya rendah untuk ditangkap kerana kesalahan melanggar permit kerja. Selain itu, pembekal orang gaji pula tidak diambil tindakan. Malah, ada orang gaji yang lari ini, bekerja pula di tempat lain. Masalah ini terus berlaku. Mungkin kerana penguatkuasaan yang lemah. Yang menjadi mangsa ialah majikan, rakyat Malaysia. Majikan telah membelanjakan wang dalam jumlah yang besar

untuk mendapatkan orang gaji ini untuk mendapatkan khidmat mereka, sebaliknya mereka lari.

25. Jadi, Jabatan Imigresen, sebagai salah satu jabatan yang menguat kuasakan undang-undang perlu meningkatkan penguatkuasaan undang-undang di bawah bidang kuasa Jabatan ini. Saya mengambil lagi satu contoh mengenai pendatang asing yang masuk ke Malaysia, secara tidak sah yang dipanggil "PATI". Fenomena PATI bukanlah perkara yang baharu di negara ini. 40 tahun yang lalu semasa saya menjadi Majistret di Pontian, Johor Bahru, Batu Pahat dan Muar, kemasukan PATI ke negara kita telah berlaku.
26. Persoalannya, mengapa mereka ini datang ke Malaysia? Mengapa mereka tidak ke Singapura? Mesti ada sebab tertentu. Mungkin penguatkuasaan kita tidak sebegitu ketat seperti Negara Singapura. Mungkin terdapat elemen salah guna kuasa atau amalan rasuah antara pegawai-pegawai kita. Di sini, saya ingin ingatkan bahawa kita yang dipertanggungjawabkan menguatkuasa undang-undang perlu menjalankan tanggungjawab dan tugas dengan penuh integriti. Tidak sewajarnya berlaku amalan rasuah atau salah

guna kuasa di kalangan pegawai dan kakitangan agensi penguatkuasaan. Sama juga dengan Hakim. Saya selalu mengingatkan mereka tentang pentingnya Hakim berintegriti pada tahap yang paling tinggi. Jika Hakim dan agensi-agensi penguatkuasaan di Negara kita tidak berintegriti, menyeleweng dan menyalahguna kuasa, Negara kita dan rakyat akan menerima padahnya. Jadi, marilah kita saling mengingatkan diri kita sesama sendiri, akan tanggungjawab kita untuk menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan berintegriti demi keamanan Negara kita.

27. Adalah tidak dinafikan bahawa, Jabatan Imigresen memang sangat aktif menangani masalah kebanjiran PATI ini. Tindakan-tindakan penguatkuasaan terhadap PATI sentiasa dipaparkan di media masa. Berdasarkan statistik, pada tahun 2017 sahaja, seramai 22,395 orang PATI telah dipertuduh di Mahkamah dan telah dikenakan hukuman oleh Mahkamah. Daripada jumlah tersebut, 10,129 adalah warganegara Indonesia, 3,407 warganegara Bangladesh, 2,501 warganegara Myanmar, 1,248 warganegara Filipina, 1,148 warganegara Vietnam, 1,001 warganegara Thailand dan

selebihnya adalah daripada negara China, Kemboja, India, Pakistan, Nepal, Sri Lanka dan Ghana.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

28. Dengan tindakan penguatkuasaan oleh Jabatan Imigresen, dan tindakan Mahkamah dalam menyelesaikan kes dengan cepat dan efisien, sekarang timbul pula masalah PATI yang dijatuhkan hukuman penjara oleh Mahkamah yang menyebabkan kesesakan di Penjara. Baru-baru ini, pada 26 Februari 2018, saya telah mempengerusikan satu mesyuarat mengenai Cadangan Pelaksanaan *Probation* dan *Community Corrections* yang dihadiri oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Apandi Haji Ali, Peguam Negara, Yang Berbahagia Tan Sri Noor Rashid, Timbalan Ketua Polis Negara, Yang Berbahagia Dato' Sri Haji Zulkifli bin Omar, Ketua Pengarah Penjara Malaysia, wakil dari Mahkamah, Kementerian Dalam Negeri (KDN), dan juga Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA). Semasa mesyuarat tersebut, Yang Berbahagia Dato' Sri Haji Zulkifli, Ketua Pengarah Penjara menyatakan bahawa setakat akhir tahun 2017, penghuni penjara telah melebihi kapasiti

yang ditetapkan iaitu lebih kurang 10,000 Banduan. Oleh itu, satu pandangan diutarakan supaya PATI tidak dipenjarakan atas kesalahan mereka tetapi terus diusir keluar. Perkara ini masih dalam kajian. Sehubungan dengan itu, satu **Jawatankuasa Khas** yang diterajui oleh Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Dalam Negeri telah ditubuhkan untuk mencari pandangan dan cadangan dalam tempoh tiga bulan mulai dari tarikh mesyuarat tersebut; iaitu mereka perlu fikirkan cara terbaik untuk menangani lebihan kapasiti penghuni penjara dan juga PATI yang dikenakan hukuman penjara. Telah dipersetujui semasa mesyuarat tersebut bahawa Jawatankuasa Khas ini juga perlu dianggotai oleh Jabatan Imigresen Malaysia kerana pandangan daripada Jabatan Imigresen dalam hal ini juga, perlu diketengahkan.

29. Itulah sedikit sebanyak perkara yang dapat saya sampaikan di Konvensyen ini. Saya memohon maaf jika apa yang saya sampaikan sebentar tadi mengguris hati mana-mana pihak. Tetapi saya berucap secara ikhlas tanpa perasaan buruk sangka. Pada hemat saya, Jabatan Imigresen yang di bawah kepimpinan Yang Berbahagia Dato' Seri Haji Mustafar Haji Ali, telah membawa banyak kemajuan kepada Jabatan ini.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

30. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada malam ini, saya sekali lagi merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berbahagia Datuk Seri Haji Mustafa Ali, Ketua Pengarah Jabatan Imigresen dan ahli jawatankuasa yang bertungkus lumus untuk merancang dan melaksanakan dengan jayanya penganjuran Konvensyen yang melibatkan 110 orang pegawai Jabatan Imigresen Malaysia ini.

31. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang melapangkan masa untuk hadir bagi sama-sama menyokong inisiatif yang dilaksanakan oleh setiap agensi yang memperjuangkan keadilan.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.